

16/01/1998

Anggota IAP tetap minat MSC

KUALA LUMPUR, Khamis - Semua anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) terus menunjukkan minat dan komitmen yang tinggi walaupun ada tidak hadir mesyuarat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ia terbukti apabila anggota yang tidak hadir pada mesyuarat kali pertama di California, Amerika Syarikat, datang menemui beliau untuk membincangkan pelbagai perkara mengenai pembangunan MSC.

"Mereka masih berfungsi sebagai anggota penasihat walaupun tidak menghadiri mesyuarat. Sebagai contoh, Pengerusi Microsoft, Bill Gates tidak dapat hadir pada mesyuarat pertama dan mengesahkan tidak akan datang pada perjumpaan kali kedua Februari ini tetapi beliau akan jumpa saya Mac nanti," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) di Jabatan Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Menurut Dr Mahathir, IAP dianggotai satu kumpulan penasihat IT yang besar membabitkan tokoh akademik dan peneraju syarikat IT terkemuka dunia dan kehadiran semua anggota memang tidak diharapkan.

Seramai 17 anggota IAP sudah mengesahkan kehadiran mereka pada mesyuarat kali kedua di Cyberjaya, Sepang pada 12 Februari ini., manakala 26 anggota lagi masih belum memberikan jawapan.

Keanggotaan IAP kini ditambah kepada 41, berbanding 29 dalam mesyuarat pertama pada 16 Januari tahun lalu di Universiti Stanford, California, Amerika Syarikat.

(END)